

'Jangan ambil air kami'

Penduduk Taman Puchong Prima bantah projek penyambungan paip air

PUCHONG—Kira-kira 100 penduduk Taman Puchong Prima di sini berkumpul secara aman pagi semalam bagi membantah projek penyambungan paip air dari tangki utama Taman Puchong Prima ke kawasan perumahan baharu dibina pemaju lain.

Difahamkan, bantahan dibuat berikutan kebimbangan kira-kira 25,000 penduduk di kawasan itu yang berkemungkinan terpaksa berdepan masalah bekalan dan teknakan air rendah kelak.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Puchong Prima (Pertama), Dr Abdullah Yusof berkata, beliau menyedari perkara itu selepas mendapati terdapat kerja-kerja pengorekan jalan untuk pemasangan paip air bawah tanah berhampiran kediaman dia.

Beliau mendakwa bairan mengapa projek perumahan baharu dibenarkan mengambil air dari tangki air sedia ada sedangkan mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), pemaju perlu membangun sendiri sistem bekalan air bagi kawasan yang ingin dibangunkan.

"Saya bimbang jika mereka teruskan projek ambil air dari tangki di sini (Taman Puchong Prima), bekalan air penduduk di sini akan terjejas dalam jangka masa panjang."

"Justeru, saya minta pihak berkenaan selesaikan masalah ini supaya tidak mengundang kerisauan penduduk," katanya.



ABDULLAH



ABDUL RAZAK



GOBIND SINGH

Penduduk tak dimaklumkan

Timbalan Pengurus Pertama, Abdul Razak Ahmad berkata, penduduk tidak dimaklumkan berhubung kerja korekan dilakukan dan hanya menyederhananya apabila paip sudah ditanam hampir dua kilometer dari projek perumahan baru mendarflu ke tangki air utama di Puchong Prima.

"Bila saya tanya kenapa korek jalan, pihak tu bagi jawapan yang tak jelas tapi akhirnya kita dapat tahu ia untuk tanam paip air bawah tanah.

"Pihak Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) beritahu, mereka dah beri kelulusan kepada pemaju perumahan bersebelahan untuk guna tangki air simpanan yang dibina pemaju perumahan kami," katanya.

Jelasnya, bantahan dibuat namun pihak berkenaan memberi jaminan penduduk tidak akan mengalami masalah bekalan air kelak.

Abdul Razak memberitahu, dua tangki air sedia ada dibina pemaju 20 tahun lalu untuk menampung keperluan penduduk Taman Puchong Prima dan penambahan

penduduk pada masa akan datang.

"Sekarang ni pun kita rugi-ragu sama ada tangki air sedia ada mampu tampung keperluan penduduk atau tak. Dahlah kadang-kadang ada masalah tekanan air rendah terutama di pangaspuri. Esok kalau dah berkongsi tangki bagaimana?


"Saya pelik bagaimana pemaju luar dari kawasan Taman Puchong Prima diberi kelulusan ambil air daripada tangki ini? Bagaimana dengan kesan jangka panjang?" katanya.

Beliau turut meminta Air Selangor membatalkan kelulusan diberi kepada pemaju tersebut.

Baik semula jalan rosak

Dalam pada itu Abdul Razak berkata, penduduk turut kesal apabila pihak kontraktor didakwa melakukan kerja korekan jalan untuk tanam paip tanpa mendapat kebenaran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Lebih menyakitkan hati, pihak terbabit melakukan kerja-kerja itu antara jam 1 pagi hingga 4 pagi sekali gus mengganggu ketenteraman penduduk.



Tangki air untuk kegunaan penduduk dibina untuk disalurkan ke projek perumahan dibangunkan pemaju lain.

• Menurut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) pemaju perlu membina sendiri sistem bekalan air bagi kawasan yang ingin dibangunkan

• Kerja korek jalan dilakukan antara jam 1 pagi hingga 4 pagi ganggu ketenteraman penduduk

benarkan apa-apa kerja dijalankan hingga masalah dapat dibincangkan dan diselesaikan.

"Saya juga minta MPSJ aturkan pertemuan bersama pihak berkaitan esok (hari ini) untuk minta penjelasan terhadap apa yang berlaku," katanya.

Beliau ketika berucap kepada penduduk sebelum itu berkata, kesal mengapa pihak berkenaan tidak faham tangki air dibina sebelum ini hanya untuk perumahan sedia ada.

"Kami minta MPSJ lebih tegas kepada kontraktor yang langgar undang-undang dan jangan beri permit kepada mereka. Penduduk juga mahu pihak kontraktor baiki dan turup semula jalan rosak akibat kerja-kerja dijalankan mereka," katanya.

MPSJ dah ambil tindakan

Ahli Parlimen Puchong Gobind Singh Deo berkata, MPSJ sudah mengambil tindakan kepada kontraktor yang melakukan kerja korekan untuk penyambungan paip ke tangki air utama Taman Puchong Prima.

Beliau berkata, arahan henti kerja dilakukan dan pihak berkenaan turut dikenakan tindakan kompaun pada 16 Ogos lalu.

"Namun saya dapat aduan mereka masih teruskan kerja di situ. Jadi saya minta MPSJ ambil tindakan sita tempat itu dan tidak

maka untuk tempat ini sahaja, apa susah sangat tak faham? Kalau nak bangunkan perumahan di tempat lain dan undang-undang nyatakan tempat itu perlu ada tangki air sendiri kenapa masih tak faham?

"Saya akan bawa masalah ini ke depan untuk diselesaikan dalam masa terdekat. Kita tak mahu ada isu kekurangan bekalan dan tekanan air rendah di perumahan ini berlaku kelak," katanya.

Sementara itu Adun Seri Serdang, Noorhanini Ismail berharap pihak berwajib memberi kerjasama mengatasi masalah rakyat di situ supaya tidak timbul masalah lebih besar pada masa akan datang.

"Kita bimbang kerancakan pemhangunan tidak seimbang dengan infrastruktur boleh jadi isu dan ini tak boleh dipandang sambil lewa kerana pendudukan bertambah pada masa akan datang," katanya.



Penduduk berkumpul secara aman pagi semalam, membantah projek penyambungan paip air dari tangki utama Taman Puchong Prima ke kawasan perumahan baharu dibina pemaju lain.